

Praktis**4****BAB 4****Agama, Kepercayaan dan Keunikan Warisan Masyarakat Kerajaan Alam Melayu**

Hal. Buku Teks: 54 – 69

Bahagian A

Jawab semua soalan.

- Apakah kepentingan agama dan kepercayaan bagi masyarakat dalam kerajaan Alam Melayu?
 - Menyucikan jiwa daripada kotor
 - Panduan dalam kehidupan seharian
 - Membataskan pergaulan setiap hari
 - Memberikan semangat dan kekuatan
- Apakah yang dikenali sebagai *hyang* yang diamalkan dalam kepercayaan animisme?
 - Penyembahan terhadap pokok dan alam sekitar yang memberikan semangat
 - Penyembahan terhadap matahari yang memberikan kecerahan hidup
 - Penyembahan terhadap roh nenek moyang yang meninggal dunia
 - Penyembahan terhadap benda-benda yang pelik dalam kehidupan
- '*Mana*' dipercayai boleh mempengaruhi kehidupan seseorang yang berkait rapat dengan kepercayaan dinamisme. Apakah contoh yang paling sesuai boleh dikaitkan dengan '*mana*'?
 - Pemujaan terhadap roh nenek moyang
 - Perbuatan yang baik menjanjikan kesenangan
 - Pemujaan semangat tanaman agar mendapat hasil yang banyak
 - Pemujaan terhadap pokok-pokok besar yang menjanjikan hasil lumayan
- Agama Hindu adalah anutan utama kerajaan Angkor semasa pemerintahan Suryavarman II. Semasa pemerintahan siapakah agama Buddha telah menjadi agama utama kerajaan Angkor?
 - Suryavarman II
 - Suryavarman III
 - Jayavarman III
 - Jayavarman VII
- Bilakah Islam mula tersebar dalam kerajaan Champa?
 - Pemerintahan Sultan Zainal Abidin III
 - Pemerintahan Sultan Iskandar Shah IV
 - Pemerintahan Sultan Mahmud Shah pada abad ke-10
 - Pemerintahan Sultan Zainal Abidin pada abad ke-14
- Penyatuan dalam agama Hindu dan Buddha berkembang dalam kerajaan Majapahit. Siapakah yang bertanggungjawab menyatukannya pada abad ke-14?
 - Wu Ping
 - Hayam Wuruk
 - Bhadarvarman
 - Patih Gajah Mada
- Gambar berikut merupakan Masjid Demak yang didirikan dalam kerajaan Demak.



Apakah kesan kemunculan kerajaan Demak pada abad ke-16?

- A Menjadi pusat pelancongan yang hebat
 - B Menjadi tumpuan pedagang untuk belajar agama Islam
 - C Menjadi pusat pengajian agama Islam
 - D Menjadi tumpuan masyarakat untuk berhujah
8. Apakah agama yang boleh dikaitkan dengan pemerintah Kedah Tua yang kesembilan, iaitu Maharaja Derbar Raja II?
- A Islam
 - B Hindu
 - C Buddha
 - D Animisme
9. Apakah faktor pemilihan raja dalam sistem pemerintahan beraja?
- I Raja dianggap tuhan
 - II Raja boleh dipilih daripada golongan tentera
 - III Keturunan raja dianggap suci
 - IV Pemilihan utama ialah yang pandai berperang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
10. Kedudukan raja semasa pemerintahan beraja mempunyai pengaruh Hindu dan Buddha dan raja dianggap sebagai titisan dewa. Apakah yang dimaksudkan dengan titisan dewa?
- A Tuhan
 - B Kesaktian
 - C Kekuatan
 - D Penjelmaan
11. Pengaruh Hindu dan Buddha menggunakan gelaran Raja dan Maharaja iaitu Raja di Gunung dan Maharaja di Pulau. Apakah maksud di sebalik gelaran tersebut?

- A Kekuatan raja
- B Kesaktian raja
- C Kekuasaan raja
- D Keistimewaan raja

12. Kebijaksanaan pemerintah penting dalam memilih dan membangunkan pusat pemerintahan.

Apakah kepentingan dalam memilih lokasi terutamanya di pesisiran pantai?

- A Kemudahan perikanan yang maju
- B Kegiatan pertanian di tanah yang subur
- C Sumber air yang bersih untuk penduduk
- D Menjalinkan hubungan diplomatik yang sihat

13. Mengapakah kerajaan Majapahit mengirinkan utusan ke China pada abad ke-14?

- A Hubungan diplomatik
- B Hubungan ketenteraan
- C Hubungan persahabatan
- D Hubungan perdagangan

14. Gambar berikut merupakan lakaran wajah Maharaja Chola.



Apakah yang dilakukan oleh beliau untuk menyelesaikan pemberontakan di Srivijaya pada abad ke-11?

- A Peluasan kuasa
- B Tawaran kawasan
- C Bantuan ketenteraan
- D Hubungan persahabatan

15. Apakah kepentingan mengadakan hubungan diplomatik antara kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan luar?

- A Kelangsungan hidup
- B Memperkuatkan ketenteraan
- C Memelihara kedaulatan kerajaan
- D Kuasa jajahan akan menjadi lebih luas

16. Antara berikut yang manakah merupakan kawasan lembah yang mempunyai kesuburan tanah untuk pertanian di Alam Melayu?

- I Lembah Sungai Gangga
 - II Lembah Sungai Ganges
 - III Lembah Sungai Mekong
 - IV Lembah Sungai Bengawan Solo
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

17. Apakah yang dimaksudkan dengan pelabuhan kerajaan?

- A Sebagai pelabuhan persinggahan
- B Pelabuhan tempat mengumpulkan barang dagangan
- C Pelabuhan yang wujud apabila ada pusat pentadbiran
- D Sebagai pusat pengumpul, pengendali dan pengedar barang dagangan

18. Kemahiran seni bina adalah keunikan warisan Alam Melayu.


Apakah kepentingan seni bina dalam kehidupan?

- A Politik C Pelayaran
- B Kesenian D Kesusasteraan

19. Apakah kepentingan agama bagi seseorang raja dan rakyat?

- A Kekuatan
- B Simbol penyatuan
- C Tanda kepercayaan
- D Memberikan peluang dalam perkhidmatan

20. Gambar berikut merupakan Candi Borobudur yang dibina sebagai lambang keagungan sesebuah kerajaan.



Antara berikut yang manakah peranan candi tersebut?

- I Pemujaan roh nenek moyang
 - II Pusat ibadat
 - III Perdagangan
 - IV Raja berehat
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV